

**Tingkatkan penyelidikan – PM
Utusan Online
21 Mac, 2012
Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL dan MOHAMMAD YASIR JAAFAR**

SEREMBAN 20 Mac - Institusi penyelidikan tempatan diseru bekerjasama dengan syarikat korporat dan kerajaan untuk memperluaskan bidang penyelidikan dan pembangunan tenaga hijau di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, perkara itu perlu dalam mendepani cabaran pemasaran di masa hadapan selain keinginan terhadap perubahan inovasi.

"Saya percaya kita perlu melakukan perubahan yang deras dan sokongan daripada penyumbang utama industri itu amat diperlukan ketika ini.

"Atas sebab itu, kita amat memerlukan rakan perniagaan untuk sama-sama memainkan peranan bagi memastikan keupayaan negara menghasilkan tenaga hijau dengan lebih baik," katanya pada majlis penyempurnaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) Solar di Taman Solar 8 megawatt (mW) di Pajam dekat sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Hadir sama Pengerusi Cypark Resources Bhd. (Cypark), Tan Sri Razali Ismail; Ketua Pegawai Eksekutif Cypark, Daud Ahmad dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mat Ali Hassan.

Kata Najib, beliau juga berharap pihak yang terlibat dalam pembangunan teknologi solar iaitu Solar Panel Industry Alliance (Spinal) akan turut bersama-sama mempromosi dan meningkatkan penerimaan serta penggunaan yang mapan terhadap tenaga yang diperbaharui khususnya solar.

"Kerjasama tempatan dan antarabangsa juga perlu diperkukuhkan bagi memanfaatkan pembangunan pesat penggunaan tenaga diperbaharui di seluruh dunia dengan menjadikan negara ini sebagai tumpuan pusat penyelidikan dan pembangunan tenaga solar," ujar beliau.

Projek penjanaan tenaga elektrik berteknologi baru itu dibangunkan syarikat Cypark Resources Bhd. (Cypark) di Tapak Pelupusan Sampah Pajam, Nilai dan pada fasa pertama hari ini, kemampuannya terbukti dengan menghasilkan 8mW yang dapat menampung kegunaan elektrik hampir 10,000 buah rumah sekitar Pajam selama 21 tahun.

Perdana Menteri menambah, dengan amalan bijak penggunaan tenaga itu, ia dijangka mencapai penjimatan sehingga RM14 bilion dalam Pendapatan Negara Kasar (PNK) menjelang 2020.

"Dengan meneroka sumber tenaga diperbaharui, kita juga berupaya memelihara alam sekitar dan pada masa yang sama melonjakkan ekonomi ke arah negara membangun menjelang 2020," katanya.

Pada majlis itu, Mohamad yang mewakili Najib melancarkan simbolik penyambungan tenaga solar ke grid kebangsaan selain menyaksikan syarikat Cypark menerima dua anugerah daripada Malaysia Book Of Records sebagai kawasan penghasil solar terbesar negara dan Asia Tenggara serta panel solar paling banyak dibangunkan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0321&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm